



## STATISTIK KERATAN AKHBAR OKTOBER 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	TINGKAT PERUNTUKAN KEBAJIKAN MAHASISWA	UTUSAN MALAYSIA MS 12	05-Oct-23	KPT
2	CALON PEPERIKSAAN PERLU KAWAL EMOSI	UTUSAN MALAYSIA MS 23	10-Oct-23	SEMASA
3	IBU SEBAK TERIMA ANUGERAH ANUMERTA ARWAH ANAK	HARIAN METRO MS 08	10-Oct-23	POLITEKNIK
4	PELAJAR OKU MOHON KE IPT HANYA BERSAING DALAM KELOMPOK SENDIRI	HARIAN METRO MS 17	11/10/2023	KPT
5	MAHASISWA JUNIOR UMT PALING TUA	SINAR HARIAN MS 24	11-Oct-23	KPT
6	ELAUN SARA HIDUP PELAJAR 24,729 PELAJAR DINAIKKAN	UTUSAN MALAYSIA MS 12	27-Oct-23	KPT
7	KPT SASAR 500 PENERIMA BIASISWA SETIAP TAHUN	UTUSAN MALAYSIA MS 12	27-Oct-23	KPT
8	BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI: MASIH ADA AGENSI KERAJAAN BELUM LAKSANAKAN	UTUSAN MALAYSIA MS 05	27-Oct-23	SEMASA
9	TIDAK BEKERJA, HANYA HARAP DUIT SUAMI	SINAR HARIAN MS 12	28-Oct-23	SEMASA
10	MENELADANI SIFAT NABI HADAPI UJIAN KEHILANGAN	HARIAN METRO MS 15	28-Oct-23	AGAMA
11	KENAIKAN ESH DIHARAP BANTU RINGAN BEBAN PELAJAR TAJAAN KPT	BERITA HARIAN MS 16	28-Oct-23	KPT

TAJUK: TINGKAT PERUNTUKAN KEBAJIKAN MAHASISWA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

TARIKH : 05/10/2023

12

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 5 OKTOBER 2023

## Dalam Negeri

# Tingkat peruntukan kebajikan mahasiswa

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN dan HAFIZ SAIDINA  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Belanjawan 2024 yang dibentangkan minggu depan perlu memasukkan peruntukan terhadap soal kebajikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang kini berdepan kenaikan kos sara hidup di kampus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Ahmad Faisal Mohamed Fiah berkata, soal kebajikan pelajar perlu diberikan perhatian selain peruntukan yang menekankan tugas hakikti universiti serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bekas Pengerusi Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA) itu berkata, mahasiswa juga berdepan dengan isu sama dengan mereka membeli sumber serta bahan mentah sama seperti orang lain, sedangkan tidak ada pendapatan.

"Perlu ada satu inisiatif lebih tersusun dan lebih spesifik dalam konteks pelajar universiti," katanya ketika dihubungi, semalam.

Akhbar ini melaporkan, lebih 500,000 mahasiswa berdepan kenaikan kos sara hidup yang ketara antara RM200 ke RM300 sebulan dalam sesi baru pengajian.

Baki PTPTN RM300, pelajar terpaksa ikat perut, buat kerja sambilan

## Cabaran mahasiswa hadapi kos sara hidup

GIGI HARTZ SAIDINA,  
AINI HAIZRIAH dan  
JOHANNA MUMTAZ  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Lebih 500,000 mahasiswa berdepan kenaikan kos sara hidup yang ketara

jauh. Ia melibatkan kenaikan kos makanan dari RM10 ke RM15 (makan tengah hari), kos pengangkutan RM80 ke RM100 sebulan, sewa rumah yang naik dari RM200 ke RM260 terutama di bandar-bandar besar,

Untuk jimatkan kos, mereka yang menyewa rumah terpaksa masak sendiri untuk makan malam dan dikongsi bersama rakan lain.

Itu belum lagi ditambah kos utiliti antara RM100 ke RM200 sebulan memandangkan bukan

Tambah merupakan wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya berhak RM300 selepas penolakan yuran pengajian pada setiap semester yang digunakan untuk belanja harian.

**UTUSAN Malaysia**  
4 Oktober 2023.

Ini melibatkan kenaikan kos makanan dari RM10 ke RM15 (makan tengah hari), kos pengangkutan RM80 ke RM100 sebulan, sewa rumah yang naik dari RM200 ke RM260 terutama di bandar-bandar besar, pembelian buku selain peralatan pembelajaran.

Untuk jimatkan kos, mereka yang menyewa rumah terpaksa masak sendiri untuk makan malam dan dikongsi bersama rakan lain. Itu belum lagi ditambah kos utiliti antara RM100 ke RM200 sebulan memandangkan bukan mudah mendapatkan sewa rumah pada harga rendah.

Tambah menyulitkan, wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

hanya berbaki RM300 selepas penolakan yuran pengajian pada setiap semester yang digunakan untuk belanja harian.

Ahmad Faisal berkata, setiap IPT menawarkan pelbagai bentuk bantuan bagi meringankan beban mahasiswa.

Bagaimanapun katanya, insentif itu agak terhad dan bergantung kepada kelayakan serta kriteria tertentu yang diperlukan.

"Dalam keadaan sekarang, IPT mungkin tidak boleh selamanya bergantung dengan dana daripada kerajaan, pelajar perlu kreatif serta masyarakat sekeliling pun kena sama-sama bantu."

"Perlu ada platform untuk masyarakat sekeliling, komuniti

dan alumni untuk menyumbang," katanya.

Sementara itu, Bendahari Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, kerajaan perlu melakukan sesuatu seperti melaksanakan pendidikan percuma atau pemberian subsidi yuran kepada golongan B40 bagi menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, tidak dapat dinafikan kos sara hidup ketika ini turut memberi kesan kepada pelajar IPT.

"Pihak universiti perlu mempertimbang berhubung yuran pendaftaran kepada pelajar yang kurang mampu.

"Mahasiswa juga perlu dibantu seperti penambahan kolej kediaman supaya mereka dapat tinggal di dalam kampus sekali gus mengurangkan kos pengangkutan dan sewa rumah di luar," katanya.

Sementara itu, Nabi Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM, Muhammad Ilyfaris Rahimudin, 23, berkata, kerajaan boleh memperkenal baucar makanan bagi membantu golongan berkeperluan untuk berbelanja di kafeteria universiti dan pada masa yang sama dapat membantu merangsang ekonomi kafeteria itu.

TAJUK: CALON PEPERIKSAAN PERLU KAWAL EMOSI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 23

TARIKH : 10/10/2023



# Calon peperiksaan perlu kawal emosi

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**S**ETiap kali musim peperiksaan, ada sahaja insiden kurang enak dilakukan pelajar akibat rasa kecemasan terhadap sesuatu perkara.

Contohnya bila mendapat kertas soalan terlalu sukar atau kerana keterujaan menamatkan alam persekolahan, ada yang sanggup membakar buku dan menconteng pakaian seragam dan merosakkan harta sekolah.

Baru-baru ini ada insiden calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memuatnaik video dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap pembuat kertas soalan Sejarah yang dikatakan susah.

Perbuatan pelajar berkenaan mengundang padah apabila ditahan pihak polis bagi membantu siasatan.

Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Zuwati Hasim berkata, kegagalan pelajar mengawal emosi menyebabkan mereka hilang kewarasan dan rasa malu sehingga tidak mengendahkan masyarakat sekeliling.

Secara umumnya pelajar yang menduduki peperiksaan, akan melalui fasa yang menyebabkan mereka berdepan rasa gemuruh,

**Pastikan akal yang menguasai diri, kekal berdisiplin dan fokus kepada perkara yang positif berbanding negatif.”**

tertekan dan bimbang.

“Lazimnya ia berlaku kesan daripada peperiksaan taruhan tinggi yang diambil kerana masing-masing meletakkan harapan terbaik untuk mendapat keputusan cemerlang.

“Harapan tinggi itulah yang memberikan lebih tekanan kepada pelajar.

“Malangnya kawalan emosi jarang diberi perhatian sedangkan ia perlu didehdakan kepada pelajar sejak kecil lagi bagi mengekang sebarang perkara di luar kawalan dan batasan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

#### PATUH ARAHAN

Zuwati menyarankan calon peperiksaan untuk mematuhi panduan dan adab digariskan supaya mereka dapat melalui tempoh peperiksaan tanpa sebarang masalah.

“Belajar menghormati

#### PERSEDIAAN MENGHADAPI PEPERIKSAAN

- » Makan makanan berzat.
- » Utamakan kesihatan bagi mengelak demam atau sakit.
- » Tidur secukupnya supaya tidak letih atau mengantuk.
- » Beriadah berpadapada.
- » Jaga keselamatan diri dan jauhi aktiviti berbahaya.
- » Sentiasa berfikiran positif dan elak perkara negatif.
- » Jauhi sebarang perbuatan yang boleh mengganggu emosi termasuk memuat naik hantaran komunikasi jelik di media sosial mahupun bertengkar dengan rakan.



ZUWATI HASIM



RUSNI A. GHANI

dan menghargai diri serta masyarakat sekeliling.

“Pelajar yang mempunyai rasa hormat dan menghargai ilmu, sudah tentu tidak sanggup melakukan sesuatu perbuatan sumbang seperti

apakah perbuatan dilakukan akan memberi kebaikan atau kemudarat kepada diri, keluarga, sekolah dan masyarakat.

“Pastikan akal yang menguasai diri, kekal berdisiplin dan fokus kepada perkara yang positif berbanding negatif,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kluster Pembangunan Profesional) E-Kaunseling Perkhidmatan Awam, Dr. Rusni A. Ghani berkata, tingkah laku pelajar yang devian perlu ditangani segera kerana berpotensi untuk diulangi hingga mengundang masalah kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Katanya, tingkah laku itu dalam masa sama memberi isyarat wujudnya isu kefungsian dalam sistem keluarga di samping masalah lain seperti pengurusan psikologi, rakan sebaya dan keciran akademik.

“Kesan kejadian ini bertambah serius dengan pengaruh media sosial yang bukan sahaja memberi impak kepada diri pelajar, malah keluarga, rakan, sekolah dan masyarakat.

“Pelajar terlibat sangat memerlukan sokongan emosi terutama ketika sedang menduduki peperiksaan, namun untuk menghapuskan tingkah laku salah itu akan mengambil masa,” katanya.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: IBU SEBAK TERIMA ANUGERAH ANUMERTA ARWAH ANAK

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 08

TARIKH : 10/10/2023

**Kuantan:** Hati seorang ibu bertukar sebak apabila menerima Anugerah Anumerta mewakili anaknya yang meninggal dunia pada Konvokesyen Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) ke-44, di sini, kelmarin.

Hanizah Yunus, 58, mewakili anaknya, Wan Muhammad Zaki Wan Matemat, 22, yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya ketika menuju tempat kerja di Pasir Mas, Kelantan pada 18 September tahun lalu.

Menurutnya, sebagai ibu, dia amat berbangga dengan Wan Muhammad Zaki meskipun anaknya itu sudah tiada untuk meraih hari penganugerahan berkenaan bersama keluarganya.

"Saya berbangga dengan arwah (Wan Muhammad Zaki) yang berusaha membela nasib keluarga dengan bekerja di kilang membuat sos dan kicap selepas menamatkan latihan industri di kilang yang sama.

"Arwah menjadi hara-

## Ibu sebak terima anugerah Anumerta arwah anak



DR Asmadi (tengah) menyampaikan Anugerah Anumerta kepada Hanizah bagi pihak arwah anaknya pada Majlis Konvokesyen Polisas Ke-44 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, kelmarin. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

pan keluarga, dia (Wan Muhammad Zaki) berjanji membela nasib keluarga selain mahu menghantar saya dan suami menunaikan haji suatu hari nanti,"

katanya yang tidak dapat menahan rasa sebak.

Hanizah yang ditemani

Aisyah Mohd Nasir ditemui selepas menerima Anugerah Anumerta disampaikan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

(Baitulmal dan Operasi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Dr Asmadi Abdul Rahman.

Hadir sama, Pengarah Polis Norehan Silek.

Menurutnya, kakinya menjadi tidak kuat ketika melangkah naik ke pentas untuk menerima Diploma Teknologi Makanan bagi pihak arwah yang bercita-cita mahu menjadi peternak lembu yang berjaya.

Katanya, arwah Wan Muhammad Zaki sebelum ini berjanji untuk membawa kami sekeluarga menyaksikan dia menerima diploma pada majlis konvokesyen, kelmarin yang begitu bermakna buat dirinya.

"Bagaimanapun, kami sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi. Memang kami ada rasa terkilan kerana arwah pernah berkongsi mengenai perancangannya untuk membela nasib keluarga yang kini

bergantung pada hasil kebun getah.

"Sebagai anak bongsu daripada tiga beradik, arwah begitu rapat dengan saya, dia menjadi harapan keluarga. Sebelum ini arwah pernah bertugas sebagai guru al-Quran di kampung," katanya yang menetap Kampung Teluk Bayu, Jeli, Kelantan.

**"Bagaimanapun, kami sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi. Memang kami ada rasa terkilan kerana arwah pernah berkongsi mengenai perancangannya untuk membela nasib keluarga yang kini bergantung pada hasil kebun getah"**

H/m Mr & DELASA 10/10/23

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PELAJAR OKU MOHON KE IPT HANYA BERSAING DALAM  
KELOMPOK SENDIRI

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 17

TARIKH : 11/10/2023

Harian Metro | Rabu 11.10.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 17

lokal

## Pelajar OKU mohon ke IPT hanya bersaing dalam kelompok sendiri

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat semalam dimaklumkan, golongan orang kurang upaya (OKU) yang memohon melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) akan hanya bersaing dalam kelompok mereka sendiri.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal ber-

kata, selain itu mereka hanya perlu melepassi syarat am dan syarat khas minimum universiti awam atau Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) serta lulus temu duga atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan..

"Syarat khas program pengajian ini adalah tertakluk

kepada keputusan senat universiti awam (UA) termasuk bagi bidang undang-undang dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Pada sesi akademik 2023/2024, sebanyak lapan program pengajian undang-undang bagi lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau se-

taraf ditawarkan dan lima daripadanya menerima semua jenis ketidakupayaan calon OKU, manakala satu menerima sebahagian ketidakupayaan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Seri Saifuddin Abdul-lah (PN-Indra Mahkota)** sama ada kementerian

berhasrat meneliti dan mengkaji semula syarat kemasukan ke IPT bagi golongan OKU, termasuk jurusan undang-undang dan ICT untuk menjamin akses pendidikan tanpa sebarang diskriminasi seperti yang termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Mengulas lanjut, Mo-

hammad Yusof berkata, terdapat 11 program pengajian lepasan STPM atau setaraf dalam bidang teknologi maklumat ditawarkan pada sesi 2023/2024 dan lima daripadanya terbuka kepada semua calon yang berkelayakan dan menerima semua jenis ketidakupayaan calon OKU.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: MAHASISWA JUNIOR UMT PALING TUA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 24

TARIKH : 11/10/2023

**24 NEGERI**  
SINAR HARIAN • RABU 11 OKTOBER 2023

**Sinar Hartan** TELUS & TULUS  
TERENGGANU TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OL

# Mahasiswa junior UMT 'paling tua'

Bapa empat anak buang perasaan malu demi segulung ijazah

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA NERUS

**B**ergelar mahasiswa pada usia 40 tahun bukan satu cabaran mudah bagi seorang berstatus bapa sebaik diterima menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini.

Anak bongsu daripada tujuh beradik, Mohd Kamarulzaman Embong, akur apabila bergelar penuntut junior 'paling tua' ketika Minggu Jalinan Mesra pelajar baharu universiti itu bagi pengambilan 2023/2024 pada 1 Oktober lalu.

Menurut bapa kepada empat cahaya mata itu, hasrat melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda sudah lama terpendam sebaik tamat pengajian peringkat diploma kira-kira 20 tahun lalu.

"Sebenarnya, selain kemauan sendiri untuk sambung pengajian, apa yang saya lakukan ini sebab mahu lunaskan 'hutang' kepada arwah abang yang mahukan saya menggenggam segulung ijazah."

"Saya juga perlu kuatkan semangat meneruskan pengajian berbekalkan dorongan ahli keluarga dan rakan sekerja," katanya yang menyambung pengajian dalam program

**GUANE GAMOK WEH!**

Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman). Difahamkan, Mohd Kamarulzaman dibesarkan kakak dan abangnya sejak berusia lima tahun selepas ibu-bapa mereka meninggal dunia.

Sebelum ini, dia menjawat jawatan sebagai Eksekutif di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan mengambil keputusan cuti belajar untuk menggapai impianinya bergelar graduan.

"Saya sangat gembira dan teruja apabila mendapat tawaran menyambung pengajian di UMT kerana lokasinya di negeri kelahiran saya sendiri. Rakan-rakan pun ramai belajar di sini dan bergelar alumni."

"Saya juga tiada masalah bersama rakan seperjuangan di kampus

Mohd Kamarulzaman (kanan) merakam gambar bersama rakan baharu ketika Minggu Jalinan Mesra UMT, baru-baru ini.

dan menganggap mereka seperti adik sendiri. Saya pun digelar rakan sekuliah sebagai 'abang long' dan menghormati saya walaupun kami sama semester," katanya.

Mohd Kamarulzaman berkata, proses menuntut ilmu tiada batasan masa dan ia satu perkara dituntut dalam agama.

Justeru katanya, mereka yang berpeluang menyambung pengajian ke tahap lebih tinggi disarankan untuk tidak melepaskan peluang yang ada.

"Semua orang berpeluang menuntut ilmu dan belum terlambat walaupun kita sudah berkeluarga dan memiliki pekerjaan stabil."

"Niat kita menuntut ilmu pengetahuan kerana ALLAH SWT. Semoga kita dapat berkongsi ilmu bermanfaat kepada semua orang," katanya.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ELAUN SARA HIDUP PELAJAR 24,729 PELAJAR DINAIIKKAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 12

TARIKH : 27/10/2023

## Elaun Sara Hidup 24,729 pelajar dinaikkan

**PUTRAJAYA:** Kerajaan bersetuju menaikkan kadar Elaun Sara Hidup (ESH) kepada 24,729 pelajar tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bermula tahun hadapan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kenaikan kadar ESH itu akan dimanfaatkan oleh pelajar yang sedang dan akan ditaja membabitkan implikasi kewangan RM30.78 juta setahun.

Beliau berkata, ketetapan terbaru itu membabitkan kenaikan kadar ESH sebanyak 15 peratus kepada pelajar sarjana dan doktor falsafah (PhD) sedia ada dan baharu luar negara di bawah Program MyBrainScience.

"Selain itu, kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu di United Kingdom (UK) pula diseragamkan dan tidak lagi mengikut kawasan memandangkan perbe-

**“Kenaikan kadar ESH itu akan dimanfaatkan oleh pelajar yang sedang dan akan ditaja membabitkan implikasi kewangan RM30.78 juta setahun.”**

MOHAMED KHALED NORDIN

zaan indeks kos sara hidup di antara kawasan-kawasan berlainan.

"Kadar ESH pelajar sedia ada

dan baharu di Amerika Syarikat pula akan diseragamkan daripada tiga kadar kepada dua kadar sahaja," katanya pada majlis pelancaran MyBrain 2.0 dan penyampaian surat tawaran penajaan KPT 2023 di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled berkata, KPT akan turut menaikkan kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu bagi program-program penajaan dalam negara iaitu RM100 sebulan.

Jelasnya, kenaikan ini akan melibatkan penerima Biasiswa Atlet Cemerlang IPT, Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik, Biasiswa Tokoh Siswa, Dermasiswa B40 TVET dan Program MyBrain 2.0.

Sementara itu, katanya, KPT juga akan menyeragamkan ESH pelajar sedia ada dan baharu kepada hanya satu kadar mengi-

kut peringkat pengajian iaitu Diploma (RM730), Ijazah Sarjana Muda (RM800) Sarjana dan PhD (RM1,000).

Bagaimanapun, katanya, pernyeragaman ini tidak melibatkan program MyBrainScience kerana kadar ESH sedia ada program tersebut adalah lebih baik daripada program-program lain.

"Selain itu, kenaikan RM100 sebulan ESH/Elaun Wang Saku juga diperluaskan kepada pelajar-pelajar B40 (Bantuan Kelembagaan Asasi IPTA dan Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti) dan OKU (Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya dan Program Pendidikan Khas).

"Bagaimanapun, kadar ESH yang dinikmati pelajar dalam kalangan pegawai awam dalam perkhidmatan sama ada sedia ada dan baharu dalam dan luar negara dikekalkan," ujarnya.

U/m 27/10/23 ms 12

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT SASAR 500 PENERIMA BIASISWA SETIAP TAHUN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 12

TARIKH : 27/10/2023

12

UTUSAN MALAYSIA  
JUMAAT • 27 OKTOBER 2023**Dalam Negeri**

Program MyBrain 2.0 bermula 2024, babitkan peruntukan RM20 juta

**KPT sasar 500 penerima biasiswa setiap tahun**Oleh MOHD. HUSNI  
MOHD. NOOR  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan 500 penerima bagi Program MyBrain 2.0 setiap tahun bermula tahun hadapan membabitkan peruntukan RM20 juta setahun.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penerima program itu akan terdiri daripada kalangan orang awam tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap termasuk pensyarah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Beliau berkata, program yang dikenakan semula daripada MYBrain15 itu mula diperkenalkan pada 2011 sebelum dihentikan pada 2016.

“Kami melihat program MyBrain15 antara produk KPT yang berimpak tinggi, malah ia mampu meningkatkan jumlah pemegang ijazah lanjutan di negara ini sekali gus memenuhi keperluan modal insan intelektual tempatan.

MOHAMED Khaled Nordin ketika melancarkan program biasiswa itu di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

**ACCESS  
GRANTED**

YB DATO' SERI  
MOHAMED KHALED NORDIN  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI



Justeru, setelah mengambil kira potensinya, Kerajaan Perpaduan bersetuju memperkenal dan melaksanakan semula program biasiswa ini pada tahun 2024,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran program

biasiswa itu, di sini semalam.

Katanya, program MyBrain 2.0 juga diperkuuh menerusi aspek cakupan dan pelaksanaannya termasuk pengemasan kontrak bagi mengelakkan pelanggaran terma penajaan oleh

penerima biasiswa.

Mohamed Khaled berkata, KPT memperuntukkan RM20 juta bagi setiap ambilan khususnya dalam bidang-bidang yang kompetitif di pelbagai peringkat.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI: MASIH ADA AGENSI  
KERAJAAN BELUM LAKSANAKAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA      MUKA SURAT : 05

TARIKH : 27/10/2023

## Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi: Masih ada agensi kerajaan belum laksanakan

U/m 27/10/23 no 5

**PETALING JAYA:** Masih terdapat kementerian, jabatan dan agensi yang belum melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi sepuhunya.

Ahli Dewan Negara, Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan berkata, perkara itu berdasarkan Program Audit Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak 2013.

Beliau yang juga bekas Pengetua Lembaga Pengelola DBP berkata, ia melibatkan mesyuarat yang masih dilaksanakan dalam bahasa lain atau bercampur aduk antara bahasa Melayu dengan bahasa lain.

“Begini juga agak banyak penjenamaan institusi dan program

kerajaan yang digubal dalam bahasa lain.

“Penggunaan bahasa Melayu di tempat awam satu lagi isu besar tentang taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerana masih banyak bahasa iklan, nama perumahan dan bangunan yang dalam bahasa asing.

“Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi kian mengecil peranannya kerana nilai rendah yang diberikan kepada bahasa Melayu dalam penerbitan ilmiah dan kuliah.

“Dalam aspek kedua, program Audit Bahasa Melayu menilai mutu bahasa di badan-badan kerajaan, dan mendapati masih

terdapat kesilapan bahasa dalam dokumen, paparan di premis pejabat dan di tempat awam.

“Alhamdulillah kedua-dua aspek, iaitu taraf dan mutu bahasa banyak meningkat sebagai kesan program Audit Bahasa Melayu di badan-badan kerajaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Beliau ditanya sama ada pihaknya melihat banyak kesalahan bahasa daripada institusi awam mahupun swasta sehingga Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan supaya semua pihak yang mahu mengutus surat rasmi kepada kerajaan diwajibkan menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Perdana Menteri memberi peringatan itu kelmarin, terutama pihak dalam kalangan syarikat tempatan atau institusi pengajian tinggi untuk mengutamakan perkara itu.

Beliau menegaskan, sesiapa sahaja menulis selain daripada Bahasa Kebangsaan, surat itu akan dipulangkan semula.

Mengulas lanjut Awang Sariyan berkata, arahan Anwar itu menepati Perkara 152(6) Perlembagaan Persekutuan tentang bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Namun katanya, perlu jelas bahawa maksud bahasa rasmi meliputi semua urusan rasmi secara bertulis dan lisan.

“Dalam urusan bertulis, bukan hanya surat-menyurat bahkan semua dokumen diliputi, seperti pekeliling, minit mesyuarat, memo, memorandum, laporan dan maklumat peragaan di premis pejabat.

“Urusan rasmi dalam bentuk lisan meliputi mesyuarat, taklimat, perhimpunan, perbincangan, seminar dan forum.

“Oleh itu, arahan Perdana Menteri perlu disusuli oleh penjawat awam, khasnya di peringkat pemimpin kementerian, jabatan, agensi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan ketua eksekutif badan swasta. Jika tidak, arahan akan tinggal sebagai arahan,” katanya.

TAJUK: TIDAK BEKERJA, HANYA HARAP DUIT SUAMI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 12

TARIKH : 28/10/2023

12 NASIONAL

SINAR HARIAN • SABTU 28 OKTOBER 2023

**Sinar**  
TELUS & TULUS  
Harian  
sinarharian.com.my  
TELUS & TULUS • TIDAK

# Tidak bekerja, hanya harap duit suami



Golongan wanita di Malaysia menyimpan lebih rendah berbanding lelaki kerana tidak bekerja dan hanya mengharapkan sumber kewangan daripada suami.

Simpanan wanita lebih rendah berbanding lelaki kerana ramai memilih jadi suri rumah selepas berkahwin

Oleh NURUL HUDA HUSSAIN  
SHAH ALAM

Tidak bekerja dan hanya mengharapkan sumber kewangan daripada suami merupakan antara faktor keupayaan golongan wanita di Malaysia menyimpan lebih rendah berbanding lelaki.

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (Aswa), Wan Azliana Wan Adnan berkata, ini kerana rata-rata wanita memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa selepas mendirikan rumah tangga.

“Saya melihat kedua-dua perkara ini menjadi penyebab jumlah simpanan wanita jauh lebih sedikit berbanding lelaki kerana kemampuan mereka menyimpan ber�antung kepada duit perbelanjaan yang diberikan oleh suami.

“Bagaimana mereka (wanita) dapat memiliki jumlah simpanan yang tinggi jika tidak bekerja dan saya rasa itu nafkah atau perbelanjaan yang diberikan oleh suami kepada isteri yang tidak bekerja juga perlu diberi perhatian,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau berkata demikian bagi mengulas Kajian Literasi Kewangan Malaysia RinggitPlus (RMFLS) 2023 yang mendapat 75 peratus responden wanita menyimpan kurang daripada RM500 sebulan berbanding 66 peratus lelaki.

Menerusi satu kenyataan pada Khamis, Ketua Pegawai Eksekutif RinggitPlus, Yuen Tuck Siew berkata, dapat itu juga menunjukkan 69 peratus responden wanita dapat bertahan kurang daripada tiga bulan dengan hanya simpanan mereka berbanding 64 peratus lelaki.

Mengulas lanjut, Wan Azliana berkata, faktor diskriminasi terhadap golongan wanita bekerja oleh majikan juga menjadi penyebab kumpulan itu tidak berupaya membuat simpanan dengan jumlah yang banyak.

Ujarnya, kebebasan majikan memilih untuk tidak menggaji wanita yang telah berkahwin dan ada pun diambil bekerja tangga gaji yang dibayar lebih rendah berbanding lelaki.

“Keadaan ini berlaku kerana wanita yang telah berkahwin akan mengambil cuti lebih banyak berbanding lelaki kerana bersalin dan sebagai-

nya. “Jadi, saya lihat inilah faktor-faktor menyebabkan wanita berdepan kesukaran untuk menabung dengan lebih banyak,” katanya.

Ditanya mengenai kaedah yang boleh diambil oleh golongan wanita untuk membuat simpanan masa depan, beliau berkata, terdapat beberapa cara antaranya membuat pelaburan yang diyakini selamat serta berniaga secara dalam talian.

“Kita faham wanita terutama

suri rumah ini banyak tanggungjawab yang dipikul dalam menguruskan keluarga. Jadi dengan adanya sedikit lebih duit belanja yang diberikan oleh suami digunakan untuk melabur dengan institusi selamat.

“Langkah sama boleh dilakukan oleh wanita yang bekerja kerana banyak peluang untuk menambah pendapatan selari dengan arus kemajuan teknologi kerana kalau kita lihat perniagaan secara dalam talian melalui pelbagai platform media sosial ketika ini sangat luas,” katanya.

Wan Azliana menambah, golongan wanita juga perlu diberi pendedahan secara serius tentang pentingnya memiliki simpanan sebagai persediaan menghadapi cabaran ekonomi pada masa depan.



WAN AZLINA



[KLIK]  
KUNJUNGAN MESRA  
Mohd Ariffin (tiga dari kiri) dan Samsudin (tiga dari kanan) ketika berku

TAJUK: MENELADANI SIFAT NABI HADAPI UJIAN KEHILANGAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 28/10/2023

Harian Metro | Sabtu 28.10.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

BERSEDIH ATAS KEMATIAN

# MENELADANI SIFAT NABI HADAPI UJIAN KEHILANGAN

Datuk Mohd Ajib Ismail

**S**AJARAN Islam meraikan kepelbagaiannya dengan meraksi dan emosi yang wujud dalam diri manusia namun ditegah mengekpresikannya secara berlebihan seperti meratapi kematian atau melakukan perbuatan khurafat yang lain.

Kehilangan boleh menjadikan dunia tiba-tiba bagi kelam dan perasaan diselubungi kesedihan. Dalam hal ini, penulis terkenang tragedi kemalangan jalan raya menyayat hati yang berlaku di Segamat Johor baru-baru ini sehingga mengorbankan nyawa enam ahli keluarga sekali gus yang benar-benar meruntun jiwa. Hanya ketabahan dan kecekalan hati menjadi sumber kekuatan untuk menerima takdir bagi meneruskan kehidupan. Benarlah firman Allah dalam al-Quran dalam **Surah al-Baqarah ayat 155** yang bermaksud: "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda, jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar."

Hakikatnya, perasaan kesedihan adalah sebahagian daripada naluri fitrah manusia. Dalam sebuah hadis yang diriyatkan oleh Anas bin Malik RA beliau menceritakan bahawa ketika anakanda Rasulullah SAW yang bernama Ibrahim meninggal dunia, berlinanganlah kedua-dua mata baginda SAW lantas Abd Al-Rahman bin Auf berkata: "Kamu juga menangis wahai Rasulullah?" Maka jawab Rasulullah SAW maksudnya: "Wahai anak lelaki Auf, sesungguhnya ia (tangisan) itu adalah suatu rahmat" - (**Riyat al-Bukhari**). Ajaran Islam meraikan kepelbagaiannya dengan meraksi dan emosi yang wujud dalam diri manusia, namun ditegah mengekpresikannya secara berlebih-lebihan seperti



SETIAP individu pasti menghadapi situasi kehilangan insan tersayang dalam kehidupan.

meratapi kematian atau melakukan perbuatan khurafat yang lain. Rasulullah SAW mengingatkan dalam sabda baginda yang bermaksud: "Dua perkara pada manusia yang kedua-duanya adalah daripada perbuatan orang kafir: mencela keturunan (seseorang) dan meratap atas mayat" - (**Riyat Muslim**). Terdapat juga beberapa tradisi kuno seperti menghias mayat yang telah dikuburkan dalam tempoh yang lama sebagai tanda ingatan dan penghormatan. Terbaharu, aplikasi menganimasikan gambar orang yang meninggal dunia untuk 'melepaskan' rindu buat ahli keluarga yang telah dijemput Ilahi. Namun semua perbuatan berkenaan bercanggah dengan tuntutan dan ajaran Islam.

Dalam catatan sirah, Nabi Muhammad SAW banyak mengalami musibah kehilangan insan yang dicintai. Rasulullah SAW menangisi pemergian isteri kesayangan iaitu Saidatina Khadijah RA, bapa saudara tercinta Abu Talib dan anak baginda Ibrahim. Saidatina Khadijah RA adalah isteri yang paling disayangi kerana bersama-sama pada saat sukar dan getir menyampaikan dakwah Islam, paling awal beriman kepada ajaran Islam, membantu dalam perniagaan dan melahirkan zuriat baginda. Abu Talib pula menjadi pembela kepada perjuangan dakwah baginda ketika berhadapan dengan tentangan hebat daripada kafir Quraisy. Begitulah pentingnya kedua-dua insan itu dalam kehidupan baginda sehingga tahun berkenaan dikenali sebagai

tahun kesedihan susulan peristiwa paling menyedihkan yang dialami Rasulullah SAW. Begitu juga keadaan sahabat seperti Abu Bakar al-Siddiq RA yang menangisi pemergian Rasulullah SAW dan kesedihan Umar al-Khattab RA sehingga terpaksa ditenangkan oleh sahabat yang lain. Anak perempuan kesayangan Rasulullah SAW, Fatimah RA juga pernah menangis ketika Nabi memberitahu tentang kematianinya. Al-Mubarakfuri menjelaskan dalam catatannya bahawa Nabi Muhammad SAW memanggil Fatimah ketika saat baginda hampir menemui kematian kemudian membisikkan sesuatu kepadanya lantas Fatimah menangis. Kemudian baginda memanggilnya lagi dan membisikkan sesuatu lantas dia tertawa. Aisyah RA berkata: "Maka aku pun bertanya kepadanya tentang kejadian itu, Fatimah menjelaskan "Rasulullah SAW membisikkan kepadaku bahawa baginda SAW akan wafat dengan sakit yang sedang dihadapinya, lantas aku menangis. Kemudian baginda SAW membisikkan kepadaku bahawa aku adalah ahli keluarganya yang pertama akan menyusul selepas daripada baginda SAW."

Walaupun sesuatu kehilangan itu amat berat untuk diterima, namun kehidupan perlu diteruskan demi kelangsungan sebuah perjuangan. Abu Bakar al-Siddiq RA sewaktu menghadapi kewafatan Rasulullah SAW menyampaikan ucapan yang bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya sesiapa yang menyembah Muhammad,

sebenarnya Muhammad sudah mati; dan sesiapa yang menyembah Allah, sebenarnya Allah itu Maha Hidup tidak mati sekali-kali (seterusnya) menyebutkan firman Allah SWT dalam **Surah ali Imran ayat 144** bermaksud: "Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudah didahului beberapa Rasul (yang mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tадah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)."

Kekuatan jiwa perlu dibangunkan dengan menyerahkan kebergantungan yang tinggi kepada Allah, menjauhkan diri daripada perkara dilarang dan membina sifat positif sebagaimana ditunjukkan oleh Nabi Ayyub AS dalam menghadapi musibah. Menurut al-Imam Ibn Kathir, Nabi Ayyub bukan sekadar diuji dengan penyakit bahkan Allah memberikan ujian yang meragut nyawa anaknya dan mengalami kehilangan harta. Namun Nabi Ayyub kekal tenang, bersikap positif dan bersangka baik dengan Allah. Firman Allah dalam **Surah al-Anbiya' ayat 83** yang bermaksud: "Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhanmu dengan berkata: 'Sesungguhnya aku ditimpu penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani.' Pengaduan dan pengharapan yang disandarkan kepada Allah SWT akhirnya diperkenankan sebagaimana maksud ayat al-Quran dalam surah yang sama ayat 84 bermaksud: "Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya serta Kami kurniakan kepadanya keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat daripada Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik)."

Penulis Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)



"Dan apabila unta-unta yang bunting terbiar,"

(Surah 'at-Takwir, ayat 4)

**AJUK: KENAIKAN ESH DIHARAP BANTU RINGAN BEBAN PELAJAR TAJAAN KPT**

**SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 16**

**TARIKH : 28/10/2023**

16

Nasional

Sabtu, 28 Oktober 2023 BH

# Kenaikan ESH diharap bantu ringan beban pelajar tajaan KPT

Elaun Sara Hidup beri manfaat penuntut dalam, luar negara babit beberapa kategori

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Putrajaya:** Pengumuman kenaikan Elaun Sara Hidup (ESH) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bermula tahun depan, diharap dapat membantu meringankan beban pelajar di bawah tajaannya.

Setiausaha Bahagian Biasiswa KPT, Mazlina Mokhtar, berkata ESH yang memberi manfaat kepada pelajar tajaan dalam dan luar negara itu, tidak pernah dinaikkan sejak 10 tahun lalu.

"Kenaikan untuk ESH ini sudah lama tidak buat, kecuali untuk program baharu, contohnya program Dermasiswa B40 serta program Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) kerana ia baru diperkenalkan tahun lalu, jadi ia tiba kenaikan."

"Lain-lain program tajaan di bawah KPT memang sudah lama tidak dinaikkan, lebih dari 10 tahun," katanya ketika ditemui, di sini.

Mengulas lanjut mengenai pelajar yang layak mendapat ESH, Mazlina berkata, kenaikan yang akan berkuat kuasa mulai tahun depan itu hanya membabitkan beberapa kategori.

"Walaupun kita kata pelajar tajaan dalam dan luar negara, ia hanya membabitkan mereka yang terpilih. Bukanlah semua pelajar luar negara akan dapat, termasuk mereka yang bergelar pensyarah atau pegawai awam yang masih dalam perkhidmatan kerana mereka masih menerima gaji ketika melanjutkan pelajaran."

"Selain itu, pelajar di bawah program MyBrainScience yang belajar dalam negara juga tidak menerima kenaikan kerana elauan sedia yang diterima sudah tinggi dan lebih baik, berbanding program lain, iaitu RM1,800 kepada pelajar Sarjana, manakala RM2,300 sebulan yang melanjutkan pelajaran peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD)," katanya.

Sebelum ini Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, mengumumkan ESH akan dinaikkan membabitkan 24,729 pelajar tajaannya dengan implikasi kewa-



Mohamed Khaled bergambar bersama penerima ketika Majlis Pelancaran Program MyBrain 2.0 dan Penyampaian Surat Tawaran Program Penajaan KPT Tahun 2023 di Putrajaya. Yang turut kelihatan, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi; Datuk Mohammad Yusof Apdal; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Datuk Dr Megat Sany Megat Supian dan Pengarah Eksekutif YTL Cement Group, Datuk Yeoh Soo Ken.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Lain-lain program tajaan di bawah KPT memang sudah lama tidak dinaikkan, lebih dari 10 tahun. Kenaikan kadar itu akan membantu pelajar mendepani kos sara hidup ketika ini.

**Mazlina Mokhtar,**  
Setiausaha  
Bahagian  
Biasiswa  
KPT

ngan sebanyak RM30.78 juta.

Beliau berkata, kenaikan itu membabitkan pelajar yang sedang atau akan ditaja untuk melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara.

Katanya, sebanyak 15 peratus kadar ESH akan dinaikkan kepada pelajar Sarjana atau PhD sedia ada dan baharu di luar negara serta di bawah Program MyBrainScience.

Tambahnya, bagi pelajar se- dia ada atau baharu di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) pula, ia akan diseragamkan serta tidak lagi mengikut kawasan, memandangkan kini ada perbezaan indeks kos sara hidup di kawasan



Sebahagian penerima surat tawaran penajaan 2023.

yang berlainan.

Jumlah ESH sedia ada sebelum kenaikan bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda ialah RM630, diikuti Sarjana (RM700) serta PhD (RM805-RM900) sebulan. Selain itu, kadar semasa bagi Program Bantuan Kewangan pada peringkat Pengajian Asasi adalah RM208.33 sebulan.

Kadar semasa bagi Program Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) di semua peringkat pengajian iaitu Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD adalah RM300 sebulan, manakala untuk Program Pendidikan Khas (PPK) (Sijil) dan Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BPKKK) (Sijil)

masing-masing menerima sebanyak RM610 dan RM300 sebulan.

Semua program yang dinyatakan ini akan menerima kenaikan sebanyak RM100 bermula tahun depan.

#### Selesai masalah kewangan

Sementara itu, pelajar, Muhammad Muhammin Nor Azri, 18, berkata kenaikan ESH itu ternyata menggembirakan kerana ia dapat membantu pelajar yang kurang berkemampuan.

Katanya, ada juga antara pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian kerana mempunyai masalah kewangan dan sudah tentu kadar kenaikan ESH itu mampu meringankan beban mereka.

"Nak masuk belajar pun kini banyak menggunakan duit contohnya membeli buku dan baju untuk ke kelas, selain itu wang yang diperuntukkan itu juga dapat digunakan untuk membeli makanan."

"Sebelum ini, saya turut bermain bola sepak dengan kelab Kuala Lumpur dan bayaran daripada itu saya gunakan bagi membiayai pengajian, ibu bekerja sebagai guru KAFA, jadi kalau boleh saya tidak mahu menyusahkan keluarga. Pengumuman kenaikan ESH itu sangat melegakan," katanya yang juga pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.